

25 APR 1998

## PLUS NAK OPTIMUMKAN KEMUDAHAN DI SEPANJANG LEBUHRAYA UTARA SELATAN

Oleh: Mohd Rizal Razalli

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Projek Lebuhraya Utara Selatan Bhd (Plus), pemegang konsesi Lebuhraya Utara Selatan, tidak bercadang untuk menambah kawasan rehat dan perkhidmatan di sepanjang lebuhraya 848km itu, tetapi sebaliknya akan mengoptimumkan kemudahan-kemudahan yang ada.

Pengarah urusannya Ikmal Hijaz Hashim berkata syarikat itu akan menaikkan taraf kemudahan-kemudahan yang ada dan mengkaji kemungkinan menaikkan taraf semua hentian sebelah.

"Hentian sebelah sekarang hanya mempunyai kemudahan awam, kami mungkin meningkatkan kemudahan ini seperti mengadakan lebih banyak ruang untuk makan," katanya kepada Bernama selepas pelancaran restoran jejambat Plus di KM458.4 lebuhraya itu berhampiran simpang susur keluar ke Sungai Buloh dekat sini hari ini.

Projek restoran jejambat berharga RM26 juta itu, yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, adalah sebuah lagi tempat komersil berorientasikan pelancongan merangkumi restoran, gerai dan kemudahan-kemudahan awam lain, yang diperkenalkan oleh Plus kepada pengguna lebuhraya.

Kawasan-kawasan rehat di sepanjang lebuhraya utara-selatan terletak pada jarak kira-kira 60 kilometer antara satu sama lain. Di kawasan-kawasan tersebut terdapat gerai makanan, bilik mandi, telefon awam, stesen minyak, wakaf, kawasan meletak kereta dan padang permainan kanak-kanak. Ada di antaranya menyediakan restoran dan motel.

Mengenai jumlah pelaburan yang akan dibuat oleh Plus tahun ini bagi menaikkan taraf kemudahan-kemudahannya di sepanjang lebuhraya itu, Ikmal Hijaz berkata beliau tidak dapat memberitahu jumlahnya sekarang tetapi "ia mencukupi".

Katanya, di samping kemudahan-kemudahan ini, syarikat itu juga perlu membelanjakan wang untuk menyenggara prasarana kejuruteraan lebuhraya itu serta menjaga kawasan-kawasan berhampiran.

Tentang restoran jejambat berkenaan, Ikmal Hijaz berkata daripada segi kos, ia adalah lebih mahal berbanding kawasan rehat yang lain disebabkan oleh pembinaan jejambat tersebut.

Bagaimanapun, katanya konsep jejambat itu telah menarik ramai orang yang ingin menggunakan pelbagai kemudahan yang disediakan.

Katanya Plus akan membina restoran jejambatnya yang kedua di KM210 Ayer Keroh, Melaka berhampiran dengan simpang susur keluar ke Ayer Keroh dengan harga yang lebih tinggi sedikit serta kemudahan yang lebih banyak. Ia dijadualkan beroperasi sepenuhnya menjelang Jun tahun ini.

"Restoran jejambat yang merentangi lebuhraya itu bertujuan memberikan pengalaman makan yang unik kerana ia membolehkan pengguna menikmati pemandangan indah lebuhraya itu," jelasnya.

Di restoran jejambat Sungai Buloh, terdapat empat pengusaha restoran iaitu Burger King, Kentucky Fried Chicken, Tasty Noodles dan Malay House yang beroperasi 24 jam.

Restoran ini, yang dibuka kepada orang ramai pada bulan November tahun lalu, juga mempunyai 16 unit gerai yang menjual beraneka barangan, 397 unit ruang meletak kereta, serta kemudahan-kemudahan awam lain seperti wakaf, surau, tandas, stesen minyak, bilik mandi dan mesin juruwang automatik. --  
BERNAMA

RIZ KY JR